

Majlis Iftar Pelajar Antarabangsa Meriah



Kuantan, 1 Julai- Seramai 200 pelajar antarabangsa dari pelbagai negara yang menuntut di Universiti Malaysia Pahang (UMP) berpeluang menikmati juadah berbuka puasa dalam Majlis Iftar Ramadan yang dianjurkan Pejabat Antarabangsa baru-baru ini.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat suci Al-Quran oleh pelajar jurusan Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Kimia iaitu Abdul Majid yang memperdengarkan bacaan Surah Al-Baqarah ayat 182-187.

Dalam majlis ini, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus hadir bermesra dan bersama-sama berbuka puasa dengan pelajar termasuk dari negara Algeria, Yaman dan Iraq. Hadir sama Pengarah Pejabat Antarabangsa, Prof Madya Dr. Ainol Haryati Ibrahim.



Dalam ucapannya Dato' Rosli berkata, cabaran berpuasa di bulan Ramadhan tatkala berjauhan dari keluarga dan negara tercinta merupakan pengalaman yang tidak akan dilupakan sepanjang hidup sepanjang bergelar mahasiswa. Beliau turut berkongsi pengalaman menjadi mahasiswa ketika menuntut di Amerika Syarikat.

"Majlis sebegini wajar diteruskan untuk membentuk hubungan silaturrahim yang erat dikalangan pelajar antarabangsa yang dari pelbagai negara. Malahan ianya dapat menjalinkan hubungan yang baik antara mahasiswa dari pelbagai negara termasuk mahasiswa yang bukan muslim untuk sama-sama merasai suasana Iftar di dalam kampus," katanya.



Bagi pelajar antarabangsa, Jamila, 28 dari Nigeria, ianya merupakan pengalaman pertama berpuasa jauh dari keluarga. Beliau kini menuntut dalam program Sarjana Sains Kejuruteraan Perisian dan program ini amat menarik dan beliau berasa terharu dengan penganjuran ini.

Begitu juga dengan Muhammad Abdulqawi, 23 dari Yaman yang merupakan pelajar yang menuntut dalam program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia melahirkan rasa seronok berada di UMP yang dianggap sebagai rumah kedua dan seolah-olah berada di negara sendiri.



Berita disediakan oleh Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 10-07-2015, 16:09:53